

20 NOV 1998

SITI HASMAH HADIR PERSEMBAHAN ORKESTRA KOLEJ YAYASAB SAAD

MELAKA, 20 Nov (Bernama) -- Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali menghadiri persembahan sulung Orkestra Kolej Yayasan Saad Melaka (KYSM), di Ayer Keroh, di sini malam ini.

Orkestra KYSM yang ditubuhkan Ogos lepas mengandungi 59 pemain yang dipimpin oleh guru muzik Cik Judy Leong yang dibantu oleh tiga guru muzik sambilan.

Tiga belas lagu didengarkan kepada hampir 200 penonton yang hadir dan antara pemuziknya ialah anak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Mazhar yang bermain alat tiupan saxaphone.

Orkestra itu memainkan 13 buah lagu termasuk dua lagu ciptaan Seniman Agung Allahyarham Tan Sri P. Ramlee.

-- BERNAMA

NO FAZ